



22 SEP, 2023

## Kerjasama strategik Sime Darby Property, TNB teroka tenaga boleh baharu

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



AZMIR (kanan) pada majlis pemeretaian kerjasama strategik antara Sime Darby Property dengan TNB di Kuala Lumpur semalam.

## Kerjasama strategik Sime Darby Property, TNB teroka tenaga boleh baharu

**PETALING JAYA** – Sime Darby Property Berhad (Sime Darby Property) telah melaksanakan kerjasama strategik dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk penerokaan dan pembangunan inisiatif tenaga mampan.

Pengarah Urusan Kumpulan, Datuk Azmir Merican berkata, kerjasama itu menggambarkan strategi Kumpulan untuk membangunkan portfolio yang mampan dan berdaya maju secara komersial bagi menerajui peralihan industri harta tanah domestik kepada tenaga boleh diperbaharui.

Menerusi kerjasama tersebut, kedua-dua pihak akan meneroka potensi perkongsian usaha sama untuk menyelesaikan penyelesaian bumbung solar di perbandaran dan pembangunan syarikat.

Projek perintis kumpulan adalah kediaman tanah termasuk pemajakan ruang bumbung serta pelaksanaan penyelesaian bumbung solar ke atas 1,000 harta tanah sedia ada Kumpulan dan juga masa depan di Bandar Elmina dan perbandaran yang lain.

“Ini menandakan komitmen kami untuk mengurangkan je-

jak karbon syarikat serta memainkan peranan dalam agenda hijau negara,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan disini semalam.

Selain itu, Azmir menerangkan, Sime Darby Property dan TNB juga akan meneroka pelaksanaan infrastruktur pengelasan kenderaan elektrik dalam perbandaran pembangunan syarikat.

Kedua-dua rakan strategik ini juga akan bekerjasama dalam meneroka penyelesaian mikrogrid di perbandaran, taman perindustrian dan bank tanah Sime Darby Property.